

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan perancangan Kementerian dalam menarik minat lebih ramai lagi golongan muda menceburi bidang usahawan pertanian terutamanya kawasan luar bandar bagi mengukuhkan lagi sektor pertanian di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengenalpasti lapan (8) idea utama di dalam Dasar Agromakanan Negara (DAN) bagi membangunkan sektor agromakanan. Salah satu idea utama tersebut adalah pembangunan modal insan pertanian bestari dan berinformasi. Pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran serta produktiviti berintensifkan teknologi dan inovasi akan diberikan tumpuan supaya dapat menyokong serta menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor agromakanan terutamanya kawasan luar bandar.

SOALAN NO : 33

2. Bagi menarik minat lebih ramai lagi golongan muda menceburi bidang usahawan pertanian terutamanya kawasan luar bandar, MOA mengambil langkah proaktif melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019 – 2020. Dokumen Hala Tuju ini mengandungi lima (5) Hala Tuju yang dibangunkan bersama 18 strategi dan 51 inisiatif untuk dilaksanakan dalam tempoh 2019 hingga 2020.

3. Pembangunan agropreneur muda telah diberikan keutamaan di dalam Hala Tuju ke 3 iaitu Menjadikan Pertanian sebagai Satu Sumber Pendapatan yang Mampan dan Kukuh serta Menguntungkan untuk Petani, Penternak, Nelayan dan Agropreneur Muda. Melalui Strategi 3 Pembangunan Agropreneur Muda dalam Bidang Agromakanan telah ditetapkan inisiatif iaitu Program Agropreneur Muda (PAM) yang dilancarkan bagi tujuan menarik minat agropreneur muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan. PAM menawarkan bantuan geran dan pembiayaan kepada golongan muda. Bantuan khidmat nasihat teknikal, rundingan serta latihan bagi membangunkan projek-projek pertanian yang akan dilaksanakan turut disediakan sekiranya ada keperluan. Dari tahun 2016 sehingga Oktober 2019, seramai 5,449 agropreneur muda seluruh negara telah mendapat manfaat daripada PAM.

Sekian, terima kasih.